

**METODE KITAB SYARAH DALAM MENETAPKAN  
MAKNA HADIS BERPANDUKAN DALIL: SUATU  
PENELITIAN AWAL**

**THE METHOD OF SYARAH BOOK IN DETERMINING  
THE MEANING OF HADITH BASED ON EVIDENCE:  
AN EARLY RESEARCH**

**Ahmad Izzuddin Abu Bakar**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mel: izzuddin@usim.edu.my

**ABSTRAK**

*Kitab syarah* merupakan buku yang menghuraikan *hadis* Nabi SAW. Perbahasannya sangat halus dan mendalam sehingga merangkumi pelbagai jenis ilmu. Oleh yang demikian, terdapat kesulitan untuk menyemak dan menyaring pendapat-pendapat berkenaan *makna hadis* yang bersandarkan kepada *dalil*. Artikel ini bertujuan mengenal pasti dan menonjolkan metode yang digunapakai oleh kitab-kitab ini dalam menetapkan sesuatu maksud atau huraian yang bertepatan dengan dalil dan pendalilan yang betul atau sebaliknya. Metodologi yang diamalkan adalah Kaedah Perpustakaan yang mana dokumen berkaitan dikumpulkan dan kandungannya dianalisa. Tinjauan terhadap praktik *kitab syarah* dijalankan ke atas bahagian terpilih kitab-kitab berikut; *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī*, *Iršād al-Sārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī*, *al-Mufhim Limā Uškila Min Talḥīs Ṣaḥīḥ Muslim* dan *al-Taūḍīḥ Lišarḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Terdapat lima (5) metode telah dikenal pasti. Pertama: Menyenaikan Pendapat Dan *Dalil*, kedua: Membincangkan Pendalilan Yang Digunakan, ketiga: Menyatakan Sesuatu Pandangan Sebagai Tepat (*Rājiḥ*), keempat: Menyatakan Pandangan Tersebut Tidak Berasaskan Dalil Atau Dalil Yang Tidak Kuat dan kelima: Mengisyaratkan Wujud Sanggahan Terhadap Sesuatu Pandangan. Dapatan ini akan membantu dalam memudahkan pengambilan maksud-maksud hadis yang bertepatan dengan dalil syarak.

**Kata Kunci:** Kitab Syarah, Metode Kitab Syarah, Dalil, Hadis, Makna Hadis.

**ABSTRACT**

*Syarah book* or commentaries was embraced not only in the exposition of individual hadith of the Prophet SAW and hadith collections, but also in other sub disciplines such as the science of hadith transmission. The discourse is so subtle and deep that it covers various types of knowledge. Therefore, there are difficulties in reviewing and filtering opinions on the *meaning of hadith* based on evidence

(dalil). This article aims to identify and highlight the methods used by these books in establishing a meaning or description that coincides with the correct evidence and argumentations (pendalilan) or vice versa. The methodology used is the Library Method where relevant documents are collected and their contents are analyzed. A review of the practice of *syarah books* was conducted on selected sections of the following books; Fath al-Bārī Šarḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī, Iršād al-Sārī Šarḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī, al-Mufhim Limā Uškila Min Talḥīs Ṣaḥīḥ Muslim son of al-Tauḍīḥ Lišarḥ al-Jāmi 'al-Ṣaḥīḥ. At least five (5) methods have been identified. First: List the Opinions and its *Evidence (dalil)*, second: Discuss the Argumentations Used, third: State a View as Accurate (Rājih), fourth: State the View is Not Based on *Evidence* or Argumentations That Are Not Strong and fifth: Indicate the Existence of Objection to a View. The findings of this study will ease the extraction of the *meaning of the hadith* that are aligned with the evidence of the syara' (Islamic law).

**Keywords:** Syarah Book, Syarah Book Method, Evidence (Dalil), Hadith, Meaning of Hadith.

## 1. PENDAHULUAN

Kitab Syarah adalah buku yang menghuraikan sesuatu hadis dengan menjelaskan makna dan mengeluarkan hukum hakam. Ia mengandungi kefahaman secara bersepadu berkenaan ucapan, perbuatan dan perakuan Nabi SAW yang diperhalusi satu demi satu sehingga menghilangkan sebarang kesamaran dan kekeliruan yang bakal timbul. Khazanah ilmu ini merangkumi beratus-ratus jilid yang ditulis para sarjana dalam masa beratus-ratus tahun. Sebahagiannya telah hilang ditelan zaman dan hanya diketahui apabila namanya disebut di dalam karya-karya lain. Sebahagian pula masih kekal dalam bentuk manuskrip yang tidak diterbitkan. Kitab-kitab ini menyumbang secara signifikan di dalam bidang hadis dan pengajian Islam umumnya.

Perbincangan buku-buku ini mencakupi pelbagai bidang seperti tafsir, hadis, fekah, usul fekah, bahasa, sejarah dan sebagainya. Keadaan sedemikian menyukarkan usaha untuk menilai dan menyaring pendapat-pendapat yang didasari oleh dalil-dalil yang kukuh kerana tenggelam dalam perbincangan yang terlalu luas. Walaubagaimanapun, pengarang-pengarang mempunyai pendekatan tertentu dalam menetapkan pendapat yang berpandukan kepada dalil atau sebaliknya<sup>1</sup>. Artikel akan melihat aspek tersebut untuk membantu dalam memudahkan pengambilan maksud-

---

<sup>1</sup> Pendekatan atau metode ini akan dapat dilihat dalam tajuk seterusnya iaitu 'Metode Kitab Syarah Dalam Menetapkan Makna Hadis Berpandukan Dalil'.

maksud hadis yang tepat selari dengan kehendak syarak. Ini memandangkan kefahaman terhadap nas-nas agama memerlukan kepada dalil dan pendalilan yang sahih.

Kaedah perpustakaan adalah metodologi yang dikira sesuai dengan tabiat kajian. Dokumen yang diperlukan seperti buku, artikel, tesis akan dikumpulkan dan dianalisa. Penelitian terhadap praktik kitab syarah dibuat terhadap beberapa bahagian terpilih. Kitab-kitab yang digunakan ialah Fath al-Bārī Šarḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī, Iršād al-Sārī Šarḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī, al-Mufhim Limā Uškila Min Talḥīs Ṣaḥīḥ Muslim dan al-Taūḍīḥ Lišarḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ.

## 2. KITAB SYARAH: TAKRIF DAN PENGERTIAN

Di dalam Bahasa Melayu, Syarah bermaksud keterangan, huraian, penjelasan dan ulasan<sup>2</sup>. Perkataan ini juga terdapat di dalam Bahasa Arab. Kamus Besar Arab-Melayu Dewan dan Kamus Marbawi menterjemahkannya kepada 'Menerangkan' dan 'Menjelaskan'<sup>3</sup>. Kitab Syarah ialah karya-karya khusus yang dikarang untuk menghuraikan maksud hadis seperti mana istilah Kitab Tafsir merujuk kepada karya yang menghuraikan ayat al-Quran<sup>4</sup>.

Ia juga boleh disebut sebagai Huraian Hadis. Buku Mastika Hadis yang memuatkan hadis mengikut tajuk beserta penjelasannya telah diterbitkan pada tahun 1973. Sekapur sireh pengarang menyifatkannya sebagai kitab huraian hadis<sup>5</sup>. Pengkaji berpendapat istilah Kitab Syarah lebih sesuai dipakai kerana ia sejajar dengan penggunaan di dalam disiplin pengajian hadis yang telah berakar umbi sejak sekian lama.

Perbincangan Kitab Syarah merangkumi tiga aspek iaitu sanad, matan dan fekah hadis. Sanad dikenali sebagai rantaian perawi yang meriwayatkan hadis. Perkara yang berkaitan dengan sanad seperti takhrij<sup>6</sup>, syarat-syarat sanad bersambung, syarat-syarat perawi siqat, syarat-syarat perawi yang dabit dan lain-lain. Matan ialah teks hadis atau ucapan Nabi SAW atau ucapan Sahabat yang menerangkan perbuatan Baginda SAW. Aspek yang berkaitan dengan matan seperti penjelasan perkataan-perkataan yang *garīb*, kaedah menerima atau menolak sesuatu matan, jenis-jenis matan dari sudut Mutawatir

<sup>2</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1625.

<sup>3</sup> Osman Khalid et al, (2015). *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1248.

<sup>4</sup> Moh. Muhtador (2016). *Sejarah Perkembangan Metode Dan Pendekatan Syarah Hadis*. Riwayah: Jurnal Studi Hadis 2, 259-271.

<sup>5</sup> Muhammad Noor Ibrahim et al, (2011). *Mastika Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), 4.

<sup>6</sup> Takhrij ialah menyatakan sumber asal sesuatu hadis beserta statusnya. Lihat: Muḥammad Abu al-Layṭ al-Ḥair Ābādī, 2004, *Taḥrīḡ al-Ḥadīṭ: Naša 'tuhū Wa Manhajīyyatuhū*. Kuala Lumpur: Dār al-Šakir, 10.

atau Ahad, Marfu' atau Mauquf dan sebagainya. Fekah hadis ialah kefahaman terhadap kandungan hadis seperti suruhan atau larangan akan sesuatu amalan<sup>7</sup>.

Kebiasaannya susunannya, hadis akan diletakkan di atas dan huraian diletakkan di bawah. Kedua-dua bahagian dipisahkan dengan garisan atau saiz tulisan huraian lebih kecil untuk menampakkan perbezaan. Pada bahagian huraian, matan hadis diletakkan di dalam kurungan dan huraian diletakkan sejurus di hadapannya. Dalam sesetengah cetakan, matan hadis yang berada dalam bahagian huraian ditulis dengan warna merah<sup>8</sup>.

### 3. PERKEMBANGAN PENULISAN KITAB SYARAH

Huraian hadis sudah bermula semasa Nabi SAW masih hidup. Setiap tutur kata yang diungkapkan menjadi wahyu yang perlu difahami supaya dapat diamalkan dengan betul. Para Sahabat akan bertanya apabila timbul kekeliruan dan kemusykilan. Riwayat-riwayat menunjukkan mereka mengajukan soalan dan Baginda SAW memberikan jawapan<sup>9</sup>.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا طَيْرَةَ، وَخَيْرُهَا الْفَأْلُ، قَالَ: وَمَا الْفَأْلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟، قَالَ: الْكَلِمَةُ الصَّالِحَةُ يَسْمَعُهَا أَحَدُكُمْ (رواه البخاري).

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Nabi SAW berkata: tidak ada penyakit berjangkit dan sebaik-baiknya adalah *al-Fa'l* (sesuatu yang menggembirakan). Seseorang berkata: apakah *al-Fa'l*? wahai Rasulullah. Baginda bersabda: kata-kata yang baik yang didengari oleh kamu<sup>10</sup>.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبْرٍ، قَالَ رَجُلٌ: إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً، قَالَ: إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ، الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ، وَعَمَطُ النَّاسِ (رواه مسلم).

Daripada Abdullah bin Mas'ud, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: tidak masuk syurga sesiapa yang di dalam hatinya kesombongan sebesar zarah. Seorang lelaki berkata: seseorang itu akan menyukai bajunya elok dan seliparnya elok. Baginda bersabda: sesungguhnya Allah itu cantik dan Dia menyukai kecantikan. Sombong adalah menolak kebenaran dan merendahkan manusia<sup>11</sup>.

<sup>7</sup> Ahmad al-Mujtabā Bānqā dan Ismā'īl Hāj Abdullāh (2012). *Manhajiyya Šarḥ al-Ḥadīḥ: Asāla Wa Mu'asira*. T.tp: Jurnal at Tajdid 32, 159-196.

<sup>8</sup> Lihat kitab-kitab syarah seperti Fath al-Bārī Šarḥ Šaḥīḥ al-Buḥārī (2000). Cet. 1, Riyadh: Dār al-Salām. al-Minhāj Šarḥ Šaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj, Cet. 19, Beirut: Dār al-Ma'rifa, 202.

<sup>9</sup> Bassam Khalil al-Safadi (2020). *Ilmu Syarḥ al-Hadith: Dirasah Ta'shiliyyah Manhajiyyah*. Beirut: Dar al-Muqtabas, 467.

<sup>10</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005). *Sahih al-Bukhariyy*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliyyah, 1127. Nombor 5754.

<sup>11</sup> Muslim bin Al-Ḥajjāj (1998). *Sahih Muslim*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliyyah, 63. Nombor 147.

Nabi SAW memberitahu orang yang sombong walaupun sekecil zarah tidak akan masuk syurga. Seorang Sahabat merasa musykil lalu bertanya dengan lebih lanjut. Adakah seseorang yang merasa seronok dan gembira dengan pakaian dan selipar yang baik akan dianggap sebagai sombong? Nabi SAW menjawab tidak kerana Allah SAW adalah zat yang cantik dan menyukai kecantikan.

حَدَّثَنِي ابْنُ أَبِي مُلَيْكَةَ، أَنَّ عَائِشَةَ، زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَانَتْ لَا تَسْمَعُ شَيْئًا لَا تَعْرِفُهُ، إِلَّا رَاجَعَتْ فِيهِ حَتَّى تَعْرِفَهُ، وَأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ حُوسِبَ عُذِّبَ، قَالَتْ عَائِشَةُ: فُقُلْتُ أَوْلَيْسَ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا﴾ [الانشقاق: 8]، قَالَتْ: فَقَالَ: إِنَّمَا ذَلِكَ الْعَرَضُ، وَلَكِنْ مَنْ نُوقِشَ الْحِسَابَ يَهْلِكُ (رواه البخاري).

Ibnu Abi Mulaikah memberitahuku, sesungguhnya Aisyah isteri Nabi SAW tidak mendengar suatu perkara yang dia tidak tahu melainkan dia akan bertanya sehingga dia mengetahuinya. Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: siapa yang dihisab dia akan diazab. Aisyah berkata: aku bertanya: Bukankah Allah Taala berfirman: maka dia akan dihisab dengan hisab yang mudah? (al-Insyiqā': 8). Dia (Aisyah) berkata: Baginda bersabda: itu adalah pembentangan, tetapi orang-orang yang diteliti hisabnya maka dia akan binasa (mendapat azab)<sup>12</sup>.

Salah seorang yang sering bertanya ialah Aisyah RA. Beliau akan bertanya sesuatu masalah sehingga benar-benar difahami. Suatu hari Nabi SAW menyatakan bahawa siapa yang dihisab akan diazab. Ia menimbulkan kekeliruan kerana Allah SAW menyebut di dalam al-Quran bahawa ada orang yang dihisab dengan mudah. Nabi SAW menjawab bahawa perkara itu adalah pembentangan amalan. Manakala yang dimaksudkan ialah seseorang yang dihisab dengan teliti dan dilihat satu persatu. Orang yang seperti ini adalah orang yang berdosa dan dia akan diazab.

Huraian daripada Nabi SAW berlaku dalam ruang lingkup yang terbatas. Para Sahabat tidak memerlukan penerangan panjang lebar kerana mereka memiliki kemahiran bahasa yang tulen. Pergaulan dan percampuran di antara orang arab dan ajam tidak berlaku dalam skala yang besar sehingga merosakkan pengetahuan dan kefahaman bahasa. Dalam masa yang sama mereka menyaksikan penurunan wahyu sekaligus mengetahui selok belok dan latar belakang sesuatu nas syarak. Oleh sebab itu, tidak terdapat keperluan untuk menulis atau membukukan sebarang huraian hadis. Generasi tersebut mengingati apa yang diajar oleh Nabi SAW dan memindahkan ilmu secara lisan sesama mereka<sup>13</sup>.

<sup>12</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005), *op.cit.*, 1127. Nombor 103.

<sup>13</sup> Fathuddin Al-Bayanuni (2007). *Adhwa' 'Ala 'Ilmi Syarh Al-Hadithh*. T.tp: Jurnal Al-Dirasat Al-Islamiyyah 42, 69-110.

Pada kurun kedua hijrah muncul penulisan Ġarīb al-Ḥadīṭ, al-Nāsiḥ wa-al-Mansūḥ dan al-Muḥṭalaf wa-al-Muškal. Ġarīb al-Ḥadīṭ adalah perkataan yang terdapat kesamaran pada makna dan sukar difahami. Keadaan ini berlaku kerana beberapa faktor. Antaranya perkataan tersebut amat jarang digunakan, makna tersebut digunakan di sesetengah tempat sahaja, penggunaan pada zaman yang tertentu dan lain-lain. Al-Nāsiḥ adalah hadis-hadis yang menggantikan al-Mansūḥ iaitu hadis-hadis yang dibatalkan pensyariatannya. al-Muḥṭalaf wa-al-Muškal pula merupakan hadis-hadis yang dilihat bertentangan antara satu sama lain secara zahir<sup>14</sup>.

Perbincangan di dalam tajuk-tajuk ini boleh dikira sebagai permulaan kelahiran buku-buku syarah hadis. Di antara karya-karya awal Ġarīb al-Ḥadīṭ ialah Ġarīb al-Ḥadīṭ tulisan Abu Ubaid al-Qasim bin Sallam, Ġarīb al-Ḥadīṭ karangan Ibnu Qutaibah dan Ġarīb al-Ḥadīṭ oleh Abu Ishaq al-Harbi dan lain-lain. Karya-karya berkenaan al-Nāsiḥ wa-al-Mansūḥ ialah kitab al-Nāsiḥ al-Ḥadīṭ wa-Mansūḥihī yang disusun oleh al-Aṭram. Karya awal mengenai al-Muḥṭalaf wa-al-Muškal pula ialah Ta'wīl al-Muḥṭalaf al-Ḥadīṭ oleh Ibnu Qutaibah dan Abu Jaafar al-Thahawi di dalam dua karya besarnya iaitu Šarḥ Ma'anī al-Aṭar dan Muškal al-Aṭar<sup>15</sup>.

Kurun keempat hijrah menjadi titik tolak kepada penulisan huraian hadis secara berasingan. Orang pertama yang menulisnya adalah Ibnu Jarir al-Tabari dengan karya yang berjudul Tahzīb al-Aṭār wa-Tafšīl Ma'anī al-Ṭābit 'An Rasūlullāh SAW Min al-Aḥbār. Selepas membawa hadis, beliau menghuraikannya secara terperinci dari sudut sanad seperti jalur sanad yang berbeza dan *'illah*, dan dari sudut matan seperti fekah hadis, perbezaan pendapat ulama dan penjelasan perkataan *ġarīb*. Walaubagaimanapun, beliau meninggal dunia sebelum sempat menyiapkannya. Kitab ini berbeza dengan kebiasaan selepas itu di mana para pengarang akan menghuraikan kitab hadis yang disusun oleh orang lain sedangkan beliau menghuraikan hadis yang diriwayatkan oleh dirinya sendiri<sup>16</sup>.

Kemudian tampil al-Khattabi yang menghuraikan Sunan Abu Daud dengan kitabnya Ma'ālim al-Sunan dan Sahih Bukhari dengan kitabnya A'alām al-Ḥadīṭ. Selepas itu, terbit kitab-kitab syarah yang banyak seperti al-Istidkār al-Jāmi' Limazāhib Fuqahā' al-Amṣār wa 'Ulamā' al-Aqtār Fīmā Taḍammanahū al-Muwattha' Min Ma'anī al-Ra'y wa al-Aṭār yang menghuraikan kitab hadis al-Muwattha', huraian Ibnu Batthal terhadap Sahih Bukhari, Ibnu al-'Arabi yang menghuraikan Sunan Tirmizi dengan kitabnya 'Āriḍah al-Aḥwadī dan lain-lain<sup>17</sup>.

<sup>14</sup> Muhammad Dhiya' Al-Din Al-Wafi (2016). "*Ilm Syarh Al-Hadith: Nash'atuhu Watathawwaruhu Wathuruquhu*". Retrived from: <https://www.nidaulhind.com>.

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Bassam Khalil al-Safadi (2020), *op.cit.*, 480.

<sup>17</sup> Fathuddin Al-Bayanuni (2007), *op.cit.*, 69-110.

Maka boleh dikatakan, penulisan kitab syarah bermula dengan penulisan ilmu-ilmu yang menyumbang kepada huraian hadis seperti Ġarīb al-Ḥadīṭ, al-Nāsiḥ wa-al-Mansūḥ dan al-Muḥṭalaf wa-al-Muṣkal. Selepas itu barulah muncul karya-karya yang menghuraikan hadis secara khusus yang mana Ibnu Jarir al-Tabari menjadi orang yang pertama. Judul kitabnya ialah Tahzīb al-Aṭār wa-Tafṣīl Ma'ānī al-Ṭābit 'An Rasūlillāh SAW Min al-Aḥbār. Tidak lama kemudian, terbit kitab-kitab syarah yang menghuraikan kitab-kitab hadis yang utama.

#### 4. METODE KITAB SYARAH DALAM MENETAPKAN MAKNA HADIS BERPANDUKAN DALIL

Untuk mengeluarkan metode yang digunapakai, pengkaji telah membuat pembacaan yang teliti terhadap bahagian terpilih beberapa kitab syarah. Selepas itu, analisa telah dijalankan dan perkara-perkara yang berkaitan telah disusun beserta contoh-contoh sokongan. Berikut adalah metode-metode yang telah dikenal pasti:

##### 4.1 Menyenaraikan Pendapat Dan Dalil

Kitab-kitab syarah akan menyenaraikan pendapat yang berbeza-beza dalam memahami makna hadis yang dikehendaki. Nama tokoh akan dinyatakan atau sekadar membawa pandangan. Dalil-dalil yang menyokong turut dikemukakan yang mana ia tidak terhad kepada nas tetapi juga kaedah bahasa arab. Jika tidak ada, ini tidak bermaksud pendapat tersebut tidak berasaskan dalil. Ia memerlukan semakan di dalam sumber-sumber yang lain.

عَنْ جُنْدَبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
مَا اتَّخَلَفْتُ قُلُوبَكُمْ، فَإِذَا اِخْتَلَفْتُمْ  
فَقُومُوا عَنْهُ (رواه البخاري).

Terjemahan: Daripada Jundab bin Abdullah, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: bacalah kamu akan al-Quran selagi mana hati-hati kamu berhimpun, jika kamu telah berselisih maka bangunlah kamu daripadanya<sup>18</sup>.

Di dalam Fath al-Bārī Ṣarḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī, pengarangnya Ibnu Ḥajar al-Asqalānī memetik kata-kata al-Qadhi 'Iyād yang menyenaraikan tiga pendapat beserta dalil. Katanya<sup>19</sup>:

1. Larangan ini khusus pada zaman Nabi SAW supaya tidak menjadi sebab kepada penurunan hukum yang memberatkan bebanan taklif. Ia berdasarkan kepada firman Allah Taala:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّبِعُوا عَنْ أَشْيَاءَ إِنْ بُدِّلَ لَكُمْ تَسْوِكٌ﴾ [المائدة: 101].

<sup>18</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005), *op.cit.*, 1127. Nombor 5060.

<sup>19</sup> Ahmad bin Ali Ibnu Ḥajar al-Asqalānī (2005), *Fath al-Bārī Ṣarḥ Ṣaḥīḥ al-Buḥārī*. Riyadh: Dar Al-Taybah, 101.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu bertanya (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu.

2. Maksudnya ialah bacalah dan beriltizamlah dengan perpaduan atas apa yang ditunjukkan dan dipandu oleh al-Quran. Jika berlaku perselisihan atau terdapat keraguan yang menimbulkan perbalahan yang membawa kepada perpecahan maka tinggalkan bacaan, dan berpeganglah kepada nas yang *muhkam* (nas yang mengandungi satu makna) yang mewajibkan kasih sayang dan berpalinglah daripada nas yang *mutasyabah* (nas yang mengandungi banyak makna) yang membawa kepada perpecahan. Ini seperti mana sabda Nabi SAW:

قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا رَأَيْتُمُ الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ، فَأُولَئِكَ الَّذِينَ سَمَّى اللَّهُ فَاخَذَ رُؤُوسَهُمْ (رواه البخاري).

Terjemahan: Dia (Aisyah) berkata: Rasulullah SAW bersabda: jika kamu melihat orang-orang yang mengikuti perkara *mutasyabah* daripadanya (nas), mereka itulah yang Allah namakan (di dalam surah Ali Imran: 7) maka berhati-hatilah akan mereka<sup>20</sup>.

3. Nabi SAW melarang membaca al-Quran jika menyebabkan berlaku perselisihan pada cara bacaan. Mereka mesti bersurai ketika berselisih dan setiap orang meneruskan cara bacaannya. Hal ini berdasarkan hadis yang diucapkan selepas berlakunya perbalahan mengenai cara bacaan.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كِلَاكُمَا مُحْسِنٌ، إِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ اخْتَلَفُوا فِيهِ فَأَهْلَكَهُمْ (رواه أحمد).

Terjemahan: Maka Rasulullah SAW bersabda: kamu berdua adalah betul. Sesungguhnya orang sebelum kamu telah berselisih padanya lalu ia telah membinasakan mereka<sup>21</sup>.

Individu yang merujuk kitab syarah mesti memberi fokus terhadap pendapat-pendapat tersebut. Begitu juga dengan dalil-dalil yang diketengahkan. Ia mungkin berupa ayat al-Quran, hadis, qiyas terhadap nas yang lain dan pemahaman daripada kaedah bahasa. Sekurang-kurangnya dengan membuat senarai pendek terhadap pilihan makna atau pendapat yang ada. Ini dapat membantu dalam pengeluaran makna hadis yang jitu dan menyeluruh.

## 4.2 Membincangkan Pendalilan Yang Digunakan

Dalil merupakan bukti, keterangan dan alasan berbentuk ayat al-Quran, hadis dan sebagainya untuk menyatakan kebenaran. Pendalilan berdasarkan definisi Al-Jurjani diertikan sebagai penetapan sesuatu dalil untuk mensabitkan apa yang

<sup>20</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005), *op.cit.*, 860. Nombor 4547.

<sup>21</sup> Ahmad bin Hanbal, Musnad Ahmad (2004). *Masanid Al-Mukathirin*, Musnad Abdullah bin Mas'ud, nombor 3724. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliiyyah, 1127.

diperdalilkan<sup>22</sup>. Dalam erti kata lain, pendalilan adalah huraian dan penghujahan dalil yang menyokong sesuatu pendapat. Seperti yang dapat dilihat di dalam kitab-kitab syarah, pengarang bukan sekadar menyenaraikan pendapat-pendapat yang pernah diutarakan tetapi mengulas pendalilan yang digunakan. Kitab *Iršād al-Sārī Šarḥ Šaḥīḥ al-Buḥārī* telah menghuraikan hadis berikut:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْعَبْدُ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ، وَتُوِّيَ وَدَهَبَ أَصْحَابُهُ حَتَّى إِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نِعَالِهِمْ، أَنَاةً مَلَكَانِ، فَأَقْعَدَاهُ، فَيَقُولَانِ لَهُ: مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ فَيَقُولُ: أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، فَيُقَالُ: انْظُرْ إِلَى مَقْعَدِكَ مِنَ النَّارِ أَبَدَكَ اللَّهُ بِهِ مَقْعَدًا مِنَ الْجَنَّةِ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَيَرَاهُمَا جَمِيعًا، وَأَمَّا الْكَافِرُ -أَوْ الْمُنَافِقُ- فَيَقُولُ: لَا أَدْرِي، كُنْتُ أَقُولُ مَا يَقُولُ النَّاسُ، فَيُقَالُ: لَا دَرَيْتَ وَلَا تَلَيْتَ، ثُمَّ يُضْرَبُ بِمِطْرَقَةٍ مِنْ حَدِيدٍ ضَرْبَةً بَيْنَ أُذُنَيْهِ، فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ إِلَّا التَّقَلَيْنِ (رواه البخاري).

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: seorang hamba apabila diletakkan di dalam kuburnya, ditinggalkan, dan orang-orang yang bersamanya berlalu pergi sehinggalah dia mendengar hentakan selipar mereka, dua malaikat datang lantas membuatnya duduk maka kedua-duanya berkata: apa yang telah engkau katakan kepada lelaki ini, Muhammad SAW? Maka dia berkata: aku bersaksi sesungguhnya Dia hamba Allah dan RasulNya. Maka dikatakan kepadanya: lihatlah tempatmu di dalam neraka, Allah telah menggantikannya dengan tempat di dalam syurga. Nabi SAW berkata: maka dia dapat melihat kedua-duanya (tempat di dalam neraka dan tempat di dalam syurga). Ada pun kafir -atau munafik- maka dia berkata: aku tidak tahu, dahulu aku hanya berkata apa yang orang ramai katakan. Maka dikatakan kepadanya: engkau tidak tahu dan engkau tidak membaca. Kemudian dia dipukul dengan tukul daripada besi antara dua telinganya lalu dia menjerit dengan jeritan yang didengari setiap yang berada di sekelilingnya kecuali dua makhluk (manusia dan jin)<sup>23</sup>.

Al-Qasthalani membawa pendapat mengenai keadaan selepas malaikat menyoal ‘apa yang telah engkau katakan kepada lelaki ini, Muhammad SAW?’. Ketika itu dibuka kepada penghuni kubur sehingga dia dapat melihat Nabi SAW dengan mata kepala. Dalilnya adalah Kata Nama Tunjuk ‘ini’ (هذا) yang dipakai mengikut kaedah tatabahasa untuk orang yang hadir atau orang yang ada bersama-sama<sup>24</sup>.

Pendapat ini boleh diterima jika wujud hadis sahih yang jelas dan beliau yakni al-Qasthalani tidak mengetahuinya. Kata Nama Tunjuk juga boleh digunakan untuk

<sup>22</sup> Ali bin Muhammad al-Jurjani (2019). *al-Ta'arifat*. Beirut: Darul Kutub al-'Ilmiyyah, 17.

<sup>23</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005), *op.cit*, 260.

<sup>24</sup> Ahmad bin Muhammad al-Qastalānī (2020). *Iršād al-Sārī Šarḥ Šaḥīḥ al-Buḥārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 464.

sesuatu yang hadir di dalam fikiran. Penggunaannya di dalam konteks ini adalah secara majaz, kiasan atau metafora dan bukannya secara hakiki.

### 4.3 Menyatakan Sesuatu Pandangan Sebagai Tepat (*Rājih*)

*Rājih* dari sudut bahasa bermaksud berat<sup>25</sup>. Menurut istilah, ia ditakrif sebagai pandangan yang mempunyai dalil yang lebih kuat berbanding yang lain<sup>26</sup>. Kebiasaannya, pengarang akan memilih satu pandangan atau lebih yang mengikutnya adalah tepat dan selaras dengan dalil.

أَنَّهُ سَمِعَ عَلْقَمَةَ بْنَ وَقَّاصِ اللَّيْثِيِّ يَقُولُ: سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ (رواه البخاري).

Terjemahan: Dia (perawi) mendengar ‘Alqamah bin Waqqas al-Laithi berkata: aku mendengar Umar bin al-Khattab RA di atas mimbar, beliau berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang apa yang dia berniat. Maka siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia mendapatkannya atau perempuan untuk dia kahwini, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya<sup>27</sup>.

Ibn Hajar al-‘Asqalani mengemukakan dua *‘irāb* bagi frasa ‘maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya’ (فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ). *‘Irāb* merupakan keterangan mengenai kedudukan sesuatu perkataan di dalam struktur ayat samada ia adalah Subjek, Prediket, Objek dan sebagainya<sup>28</sup>. Perbezaan pada *‘irāb* boleh membuahkan makna yang berlawanan.

Pertama:

‘Maka hijrahnya’ (فَهَجْرَتُهُ): Subjek.

‘Mengikut apa yang dia hijrah kepadanya’ (إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ): *taa’lluq* atau terikat dengan ayat ‘maka hijrahnya’.

Prediket kepada subjek adalah secara bayangan atau *taqdir* iaitu ‘buruk’.

Maksud ayat boleh diterjemahkan sebagai ‘maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya adalah buruk’.

<sup>25</sup> Al-Munazzamah al-Arabiyyah li-al-Tarbiyyah wa-al-Thiqafah wa-al-‘Ulum (n.d). *al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi li-al-Nathiqin bi-al-Arabiyyah wa-Muta’allimiha*. Beirut: Larousse, 1164.

<sup>26</sup> Muhammad al-Qadiri (2019). *Raf’u al-‘Itab wa-al-Malam*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin, 19.

<sup>27</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005), *op.cit*, 21.

<sup>28</sup> Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī (2005), *op.cit*, 22.

Kedua:

'Maka hijrahnya' (فَهَجْرَتُهُ): Subjek.

'Mengikuti apa yang dia hijrah kepadanya' إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ: Prediket.

Maksud ayat boleh diterjemahkan sebagai 'maka hijrahnya adalah mengikuti apa yang dia hijrah kepadanya'.

'*Irāb* pertama menunjukkan amalannya buruk secara mutlak. Kedua lebih tepat atau *rājih* kerana niat yang bercampur aduk mengurangkan pahala. Ia tidak menafikan atau membatalkan amalan hijrah sama sekali<sup>29</sup>.

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani, konteks hadis mencela orang yang memperlihatkan dirinya berhijrah dengan ikhlas kerana Allah SWT sedangkan tujuan sebenar ialah berkahwin dengan perempuan yang disukai. Tambahan pula, hukum perkahwinan adalah harus dan jika diniatkan untuk menahan diri daripada maksiat ia dikira *qurbah*. Beliau turut berhujah dengan kisah Abu Talhah yang melamar Ummu Sulaim lalu dia berkata aku sudah menganut Islam, jika engkau juga menganutnya aku akan mengahwinimu. Keadaan ini juga sama dengan orang yang berpuasa untuk ibadah dan kerana tidak mahu makan<sup>30</sup>.

#### 4.4 Menyatakan Pandangan Tersebut Tidak Berasaskan Dalil Atau Dalil Yang Tidak Kuat

Bagi metode ini, selepas membentangkan pendapat yang pelbagai, pengarang akan mengulas dan memilih pendapat yang cenderung kepada dalil. Sebaliknya yang dilihat tidak bersandarkan kepada dalil atau dalil yang tidak kuat, ia akan dinyatakan dengan frasa yang tertentu. Semasa menghuraikan hadis di bawah, Ibn Hajar al-'Asqalani membincangkan pandangan al-Dawudi dan menyatakannya sebagai pandangan yang mempunyai kebarangkalian yang jauh (*al-Ihtimāl al-Ba'īd*)<sup>31</sup>.

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ زِيَادٍ، عَادَ مَعْقِلَ بْنَ يَسَارٍ فِي مَرَضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ، فَقَالَ لَهُ مَعْقِلٌ إِنِّي مُحَدِّثُكَ حَدِيثًا سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَا مِنْ عَبْدٍ اسْتَرْعَاهُ اللَّهُ رَعِيَّةً، فَلَمْ يَحْطُهَا بِنَصِيحَةٍ، إِلَّا لَمْ يَجِدْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ (رواه البخاري).

Terjemahan: Abdullah bin Ziyad melawat Ma'qil bin Yasar semasa sakit yang dia mati kerananya. Ma'qil berkata kepadanya: sesungguhnya aku akan memberitahumu suatu hadis yang aku dengar daripada Rasulullah SAW. Aku telah mendengar Nabi SAW

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī (2005), *op. cit.*, 128.

bersabda: tiada seorang hamba pun yang Allah menyuruhnya menjaga rakyat lalu dia tidak menjaganya dengan baik melainkan dia tidak akan mendapat bau syurga<sup>32</sup>.

Al-Dawudi berpendapat keterangan hadis berkemungkinan menjelaskan situasi pemerintah kafir kerana orang mukmin pasti berlaku baik kepada rakyat. Ibn Hajar al-Asqalani menyanggah dengan berkata ia adalah kebarangkalian yang sangat jauh. Pemerintah kafir juga boleh berlaku baik kerana kekufuran tidak menegah untuk berlaku adil dan membuat kebaikan. Beliau juga menolak hadis ini menjelaskan keadaan pemimpin yang menghalalkan perkara haram iaitu suatu perbuatan yang menyebabkan kekufuran<sup>33</sup>.

Menurutnya, teks 'tidak mendapati bau syurga' menandakan larangan keras terhadap dosa kezaliman terhadap rakyat jelata. Pemimpin zalim akan diazab di dalam neraka tetapi tidak diharamkan syurga selama-lamanya. Ini berdasarkan hadis yang sama menurut satu riwayat<sup>34</sup>:

أَنَّ عُبَيْدَ اللَّهِ بْنَ زِيَادٍ عَادَ مَعْقِلَ بْنَ يَسَارٍ فِي مَرَضِهِ، فَقَالَ لَهُ مَعْقِلٌ: إِنِّي مُحَدِّثُكَ بِحَدِيثٍ لَوْلَا أَنِّي فِي الْمَوْتِ لَمْ أُحَدِّثْكَ بِهِ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَا مِنْ أَمِيرٍ يَلِي أَمْرَ الْمُسْلِمِينَ، ثُمَّ لَا يَجْهَدُ هُمْ، وَيَنْصَحُ، إِلَّا لَمْ يَدْخُلْ مَعَهُمُ الْجَنَّةَ (رواه مسلم).

Terjemahan: Abdullah bin Ziyad melawat Ma'qil bin Yasar semasa sakitnya. Ma'qil berkata kepadanya: sesungguhnya aku akan memberitahumu suatu hadis, kalaulah aku tidak merasa akan mati aku tidak akan memberitahumu tentangnya. Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: tiada seorang ketua yang menguruskan urusan orang Islam, kemudian dia tidak bersungguh-sungguh berlaku adil dan berbuat baik, melainkan dia tidak akan masuk syurga bersama-sama mereka<sup>35</sup>.

Riwayat Muslim menyokong makna pemimpin tersebut diharamkan syurga untuk suatu waktu. Ini kerana hadis menyebut 'tidak akan masuk syurga bersama-sama mereka' yang membayangkan dia akan masuk selepas orang lain memasukinya<sup>36</sup>.

#### 4.5 Mengisyaratkan Wujud Sanggahan Terhadap Sesuatu Pandangan

Sesiapa yang menelaah kitab-kitab syarah akan menemui istilah *Fīhi Nazar* (فيه نظر). Secara literal, ia diterjemahkan sebagai 'Perlu Dilihat Padanya'. Terjemahan mengikut konteks boleh disebut sebagai 'Ia boleh dipertikaikan'. Sumber rujukan pengajian Islam seringkali menggunakan istilah ini. Lazimnya, ia berkonotasi sesuatu

<sup>32</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005), *op.cit*, 64.

<sup>33</sup> Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī (2005), *op.cit*, 128.

<sup>34</sup> *Ibid*.

<sup>35</sup> Muslim bin Al-Ḥajjāj (1998). *Sahih Muslim*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwalīyyah, 63. Nombor 147.

<sup>36</sup> Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī (2005), *op.cit*, 13

pandangan yang dibawa tidak boleh diterima kerana terdapat sanggahan berbentuk dalil atau pendalilan<sup>37</sup>.

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ الطُّفَيْلَ بْنَ عَمْرٍو الدُّوسِيَّ، أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ لَكَ فِي حِصْنٍ حَصِينٍ وَمَنْعَةٍ؟ - قَالَ: حِصْنٌ كَانَ لِدَوْسٍ فِي الْجَاهِلِيَّةِ - فَأَبَى ذَلِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلَّذِي دَخَرَ اللَّهُ لِلْأَنْصَارِ، فَلَمَّا هَاجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَدِينَةِ، هَاجَرَ إِلَيْهِ الطُّفَيْلُ بْنُ عَمْرٍو وَهَاجَرَ مَعَهُ رَجُلٌ مِنْ قَوْمِهِ، فَاجْتَوُوا الْمَدِينَةَ، فَمَرَضَ، فَجَزِعَ، فَأَخَذَ مَشَاقِصَ لَهُ، فَقَطَعَ بِهَا بَرَاجِمَهُ، فَشَخَبَتْ يَدَاهُ حَتَّى مَاتَ، فَرَأَهُ الطُّفَيْلُ بْنُ عَمْرٍو فِي مَنَامِهِ، فَرَأَهُ وَهَيْئَتُهُ حَسَنَةً، وَرَأَهُ مُعْطِيًا يَدَيْهِ، فَقَالَ لَهُ: مَا صَنَعَ بِكَ رَبُّكَ؟، فَقَالَ: عَفَّرَ لِي يَهْجُرَتِي إِلَى نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: مَا لِي أَرَاكَ مُعْطِيًا يَدَيْكَ؟ قَالَ: قِيلَ لِي: لَنْ نُصَلِّحَ مِنْكَ مَا أَفْسَدْتَ، فَفَصَّهَا الطُّفَيْلُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اللَّهُمَّ وَلِيَدَيْهِ فَاعْفِرْ (رواه مسلم).

Daripada Jabir bahawa al-Tuffail bin Amru al-Dausi datang menemui Nabi SAW lalu dia berkata: wahai Rasulullah, adakah engkau berada di dalam benteng yang membentengi dan menghalang musuh?. Dia (perawi) berkata: Bani Daus mempunyai kekuatan pada zaman Jahiliyyah. Nabi SAW menolak kerana Allah telah menyimpannya untuk golongan Ansar. Ketika Nabi SAW berhijrah ke Madinah, al-Tuffail dan beberapa orang daripada kaumnya turut berhijrah. Mereka tidak selesa tinggal di Madinah kerana cuaca lalu ada yang sakit dan tidak dapat bersabar. Seorang telah mengambil anak panah yang lebar dan mengerat sendi-sendinya lalu kedua-dua tangan mengalirkan darah sehingga dia mati. Al-Tuffail telah melihat di dalam mimpinya. Dia melihatnya dengan rupa yang baik dan melihat kedua-dua tangan berlumuran darah. Dia berkata kepadanya: apa yang Tuhanmu lakukan kepadamu. Dia berkata: Dia mengampunkan aku kerana hijrahku dengan Nabi SAW. Dia berkata: kenapa aku melihat kedua-dua tanganmu berlumuran darah? Dia berkata: dikatakan kepadaku: kami tidak akan mengelokkan apa yang telah engkau rosakkan. Al-Tuffail menceritakannya kepada Rasulullah SAW. Lalu Rasulullah SAW bersabda: ya Allah ampunkanlah kedua-dua tangannya<sup>38</sup>.

Tindakan membunuh diri adalah dosa besar di dalam Islam. Pada zaman Nabi SAW seorang lelaki meragut nyawanya sendiri dengan memotong urat sendi pada tangannya. Al-Tuffail melihat individu terbabit di dalam mimpi dengan rupa yang baik kecuali tangan yang berlumuran darah. Ditanya kepadanya lantas dia menjawab Allah SWT memberi pengampunan kerana hijrah ke Madinah yang dilakukannya. Nabi SAW memperakui mimpi tersebut dan berdoa supaya tangannya dipereleokkan.

<sup>37</sup> Abdul Aziz al-Dakhil (2012). "Sua'l 'An Ma'ana Fihī Nazar". Retrieved from: <http://www.afaqattaiseer.net>.

<sup>38</sup> Muslim bin Al-Ḥajjāj (1998), op.cit, 72.

Ibnu al-Muzayyan al-Qurtubī menghuraikan hadis ini di dalam kitab al-Mufhim Limā Uškila Min Talhīs Saḥīḥ Muslim. Beliau berkata: frasa ‘Dia (Allah SWT) mengampunkan aku kerana hijrahku dengan Nabi SAW’ menjadi dalil bahawa dosa-dosa besar boleh diampunkan dengan melakukan amalan-amalan yang utama dan pandangan ini boleh dipertikaikan (*Fīhi Naẓar*)<sup>39</sup>.

عَنْ كُرَيْبٍ، مَوْلَى ابْنِ عَبَّاسٍ عَنِ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، أَنَّهُ سَمِعَهُ يَقُولُ: دَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عَرَفَةَ حَتَّى إِذَا كَانَ بِالشَّعْبِ نَزَلَ فَبَالَ، ثُمَّ تَوَضَّأَ وَلَمْ يُسَبِّحِ الوُضُوءَ فَقُلْتُ الصَّلَاةَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَقَالَ: الصَّلَاةُ أَمَامَكَ، فَركب، فَلَمَّا جَاءَ الْمزدَلِفَةَ نَزَلَ فَتَوَضَّأَ، فَأَسْبَغَ الوُضُوءَ، ثُمَّ أَقِيمَتِ الصَّلَاةُ، فَصَلَّى الْمَغْرِبَ ثُمَّ أَنَاخَ كُلُّ إِنْسَانٍ بَعِيرَهُ فِي مَنْزِلِهِ، ثُمَّ أَقِيمَتِ الْعِشَاءُ فَصَلَّى، وَلَمْ يُصَلِّ بَيْنَهُمَا (رواه البخاري).

Daripada Kuraib Maula Ibnu Abbas, daripada Usamah bin Zaid, dia (Kuraib) mendengarnya (Usamah) berkata: Rasulullah bergerak daripada Arafah sehingga Baginda sampai di lereng bukit, Baginda turun dan kencing, Baginda berwuduk dan tidak menyempurnakan wuduk. Aku berkata: solat wahai Rasulullah. Baginda berkata: solat di hadapanmu di sana, Baginda pun menunggang. Ketika sampai di Muzdalifah Baginda turun lalu berwuduk dan Baginda menyempurnakan wuduk. Kemudian didirikan solat lalu Baginda bersolat maghrib. Kemudian setiap orang merebahkan unta di tempat singgahnya. Kemudian didirikan isyak lalu Baginda bersolat, dan Baginda tidak solat di antara kedua-duanya (maghrib dan isyak)<sup>40</sup>.

Ibnu al-Mulaqqin turut menggunakan istilah *Fīhi Naẓar* di dalam al-Tawḍīḥ Liṣarḥ al-Jāmi’ al-Saḥīḥ. Beliau membawa pandangan yang menyatakan hadis di atas menunjukkan supaya meringkaskan wuduk selepas kencing dan sekiranya tidak terus bersolat. Menurutnya, pandangan tersebut boleh dipertikaikan<sup>41</sup>. Maksud ‘tidak menyempurnakan wuduk’ merujuk kepada perbuatan mengambil wuduk secara ringkas<sup>42</sup>.

Seperti yang disebutkan, istilah tersebut menunjukkan sesuatu pandangan itu telah disanggah oleh pihak-pihak tertentu dengan dalil-dalil lain. Sekiranya terdapat perkataan *Fīhi Naẓar* di dalam mana-mana huraian hadis, ia bermaksud pengarang kitab syarah tidak bersetuju sepenuhnya dengan pendapat yang dinyatakan. Hal ini dikecualikan jika sanggahan itu diberikan jawapan.

<sup>39</sup> Ahmad bin Umar al-Qurtubi (2004). *al-Mufhim Limā Uškila Min Talhīs Saḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dar Ibnu Hazm, 464.

<sup>40</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005), op.cit, 52.

<sup>41</sup> Umar bin Ali Ibnu al-Mulaqqin (2008). *al-Tawḍīḥ Liṣarḥ al-Jāmi’ al-Saḥīḥ*. Qatar: Wizarah al-Auqaf wa-al-Syu’un al-Islamiyyah, 70.

<sup>42</sup> ‘Iyadh bin Musa Al-Qadhi ‘Iyadh (1998). *Ikmal al-Mu’allim Bifawaid Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Wafa’, 356.

## 5. PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, dicadangkan kajian ini dibuat penerokaan lanjut. Di sana wujud timbunan kitab-kitab syarah yang sentiasa muncul dalam tradisi ilmu hadis. Sudah pasti terkandung pelbagai lagi metode semasa ia mengemukakan makna hadis yang didasari oleh dalil. Artikel ini hanya penelitian awal sebagai pembuka jalan pada masa hadapan. Analisa yang dijalankan satu persatu terhadap teks kitab syarah tidak dibuat. Sebagai permulaan, kajian akan datang boleh melihat pendekatan sebuah kitab sahaja secara menyeluruh dan terperinci. Ia boleh mengambil kitab syarah utama bagi sesuatu kitab hadis. Contohnya, Fath al-Bārī bagi kitab Sahih Bukhari, al-Minhāj bagi kitab Sahih Muslim, Ma'alim al-Sunan bagi kitab Sunan Abu Daud dan sebagainya. Kajian seumpama ini mempunyai kepentingan tersendiri khususnya kepada penutur bukan asli bahasa Arab. Hal demikian kerana ia menonjolkan elemen-elemen yang perlu diberi perhatian serius dalam pengeluaran maklumat daripada kitab syarah yang diketahui sebagai karya ilmiah yang berat.

## RUJUKAN

- [1] Al-Quran.
- [2] Abdul Aziz al-Dakhil (2012). *Su'āl 'An Ma'anā Fīhi Naẓar*. Retrieved from <http://www.afaqattaiseer.net>.
- [3] Ahmad al-Mujtabā Banqā dan Ismail Ḥāj Abdullah (2012). *Manhajyya Šarḥ al-Ḥadīṭ: Ašālātān Wamu'asīrātān*". T.tp: Jurnal at-Tajdid 32.
- [4] Ahmad, Ahmad bin Hanbal (2004). *Musnad Ahmad*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.
- [5] Al-Bukhariyy, Muhammad bin Ismail Al-Bukhariyy (2005). *Sahih al-Bukhariyy*. t.b.c., Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.
- [6] Ali bin Muhammad al-Jurjani (2019). *al-Ta'arīfāt*. Beirut. Darul Kutub al-'Ilmiyyah.
- [7] Al-Munazzamah al-'Arabiyyah li-al-Tarbiyyah wa-al-Ṭiqāfah wa-al-'Ulūm (n.d). *al-Mu'jam al-Arabī al-Asāsī li-al-Nāṭiqīn bi-al-Arabiyyah wa-Muta'allimihā*. Beirut: Larousse.
- [8] Al-Qāḍi 'Iyād, 'Iyād bin Musa (1998). *Ikmāl al-Mu'allim Bifawāid Saḥīḥ Muslim*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- [9] Al-Qaṣṭalānī, Ahmad bin Muhammad (2020). *Iršād al-Sārī Šarḥ Saḥīḥ al-Buḥārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- [10] Al-Qurtubi, Ahmad bin Umar (2004). *al-Mufhim Limā Uškila Min Talh̄ts Saḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dar Ibnu Hazm.
- [11] Bassam Khalil al-Safadi (2020). *'Ilm Šarḥ al-Ḥadiṡ: Dirāsah Ta'šiliyyah Manhajiyah*. Beirut: Dar al-Muqtabas.
- [12] Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- [13] Fathuddin al-Bayanuni (2007). *Aḍwā' 'Alā 'Ilm Šarḥ al-Ḥadiṡ*. Jurnal Al-Dirasat Al-Islamiyyah 42.
- [14] Ibnu al-Mulaqqin, Umar bin Ali (2008). *al-Tawḍīḥ Lišarḥ al-Jāmi' al-Saḥīḥ*. Qatar: Wizarah al-Auqaf wa-al-Syu'un al-Islamiyyah.
- [15] Ibnu Hajar al-Asqalānī, Ahmad bin Ali (2005). *Fath al-Bārī Šarḥ Saḥīḥ al-Buḥārī*. Riyadh: Dar Al-Taybah.
- [16] Moh. Muhtador (2016). Sejarah Perkembangan Metode Dan Pendekatan Syarah Hadis, Riwayat: Jurnal Studi Hadis 2.
- [17] Muḥammad Abu al-Layṡ al-Ḥair Ābādī (2004). *Taḥrij al-Ḥadiṡ: Naša'tuhū Wamanhajiyatuhū*. Kuala Lumpur: Dār al-Šakir.
- [18] Muhammad al-Qadiri, Muhammad bin Qasim (2019). *Raf'u al-'Itāb wa-al-Malām*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin.
- [19] Muhammad Noor Ibrahim et al. (2011). *Mastika Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).
- [20] Muhammmad Dhiya' Al-Din Al-Wafi (2016). *'Ilm Šarḥ al-Ḥadiṡ: Naša'tuhū Wataṡawwaruhū Waṡuruquhū*. Retrieved from: <https://www.nidaulhind.com>.
- [21] Muslim bin Al-Ḥajjāj (1998). *Saḥīḥ Muslim*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliiyyah.
- [22] Osman Khalid et al. (2015). *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.